

NO. SOALAN: 21

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG

TARIKH : 26 OKTOBER 2016

RUJUKAN : 9318

SOALAN:

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan apakah status cadangan untuk
membina Balai Polis di kawasan Taman Tunku dalam kawasan
Lambir.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Taman Tunku adalah terletak di kawasan pentadbiran Balai Polis Lapangan Terbang Miri yang mana jarak antara Balai Polis tersebut ke Taman Tunku adalah lebih kurang enam (6) kilometer. Sebelum ini, terdapat cadangan dari pihak PDRM Kontinjen Sarawak untuk menyewa sebuah bangunan milik swasta di kawasan Taman Tunku iaitu di Taman Jelita namun cadangan tersebut dibatalkan ekoran pemilik premis menarik balik tawaran penyewaan. Pihak PDRM Kontinjen Sarawak seterusnya kini dalam proses untuk mengenalpasti bangunan sewaan baru bagi tujuan pewujudan Balai Polis yang lengkap selain dalam tindakan untuk mendapatkan tapak tanah bagi pelaksanaan projek baru kompleks Balai Polis.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ
TARIKH : 26.10.2016
SOALAN : NO. 22

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan hasil pelaksanaan penilaian bersepadu yang dimulakan oleh IPT perintis dan bagaimana Program iCGPA (Sistem Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu) boleh melonjakkan peningkatan adab dan keilmuan dalam kalangan penuntut universiti.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Pendidikan Tinggi sentiasa memberi fokus terhadap penghasilan graduan yang holistik dan seimbang agar dapat menyumbang kepada tenaga kerja yang berkualiti. Selaras dengan itu, Sistem Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu (iCGPA) dilaksanakan sebagai salah satu inisiatif di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).

iCGPA merupakan satu sistem pengukuran pencapaian pelajar melalui 8 domain utama iaitu pengetahuan, kemahiran praktikal, kemahiran sosial, profesionalisme, kemahiran kepimpinan, kemahiran menyelesaikan masalah, pembelajaran sepanjang hayat dan kemahiran keusahawanan. iCGPA ialah satu sistem yang menyeluruh dan tidak hanya memfokuskan kepada pencapaian akademik semata-mata iCGPA telah dilaksanakan secara rintis di 5 buah universiti awam iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) mulai sesi 2015/2016.

Hasil pelaksanaan iCGPA ini telah memberi impak kepada pelajar seperti berikut:

- (a) Pendedahan mengenai iCGPA membolehkan pelajar mengetahui kekuatan dan minat mereka.
- (b) Sesawang iCGPA yang dipaparkan memberikan refleksi pembelajaran sebenar pelajar pada setiap semester dan memberi gambaran keseluruhan kepada pelajar pada setiap hujung semester. Sesawang iCGPA dapat menunjukkan pencapaian pelajar secara menyeluruh termasuk pencapaian dari aspek adab selain dari pencapaian akademik secara visual. Dengan ini pelajar dan pihak fakulti dapat merangka program penambahbaikan yang tidak lagi berfokuskan aspek akademik semata-mata, tetapi meliputi aspek adab sepertimana yang diharapkan.
- (c) Membantu pelajar untuk memperbaiki kelemahan untuk semester seterusnya.
- (d) Membantu pelajar untuk mengetahui tahap kemahiran dan seterusnya dapat meningkatkan prestasi dan keyakinan diri.
- (e) Melahirkan graduan berkualiti yang lebih menepati kehendak industri.
- (f) Meningkatkan kemahiran insaniah pelajar.

Peningkatan adab dan keilmuan boleh berlaku melalui penilaian yang bersepadu yang memperlihatkan pencapaian holistik pelajar daripada segi pengetahuan dan juga aspek kemahiran insaniah pelajar. Melalui iCGPA, kemahiran insaniah yang dapat ditingkatkan adalah daripada aspek kepemimpinan, kerjasama berpasukan, komunikasi dan pembelajaran berterusan.